

TERHAD



i-MODUL KECEMERLANGAN SPM SMKA 2024

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2024

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/1

KERTAS 1

Ogos/Sep.

1 ¼ jam

Satu Jam Lima Belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap – tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak termasuk muka hadapan

3756/1 © 2024 Hak Cipta Majlis Pengetua SMKA

[Lihat Halaman sebelah
SULIT

- 1 *Luca Pacioli* digelar '**Bapa Perakaunan**' kerana ..
- A mewujudkan Sistem Panjar
 - B menyediakan Penyata Kewangan
 - C mempelopori Buku Catatan Pertama
 - D memperkenalkan Sistem Catatan Bergu

- 2 Jurnal Am berikut diambil daripada rekod perniagaan Kedai Runcit Ranjit

Tarikh	Butir	Debit RM	Kredit RM
2024 Jun 30	Ambilan Belian	800	800

Apakah andaian perakaunan yang dipatuhi oleh Ranjit?

- A Ketekalan
 - B Prinsip Kos
 - C Kos Manfaat
 - D Entiti Berasingan
- 3 Rumus berikut berkaitan dengan Akaun Perdagangan

$$\text{Kos jualan} = \text{Inventori awal} + W - \text{Inventori akhir}$$

Apakah W?

- A Jualan
- B Kos belian
- C Untung kasar
- D Kos barang untuk dijual

- 4 Maklumat berikut adalah kesan urus niaga terhadap Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Bazli pada 31 Julai 2024.

- Inventori berkurang RM7 000
- Akaun Belum Terima bertambah RM8 200
- Modal bertambah RM1 200

Urus niaga manakah yang menerangkan kesan berkenaan?

- A Belian barang niaga secara tunai daripada pembekal Helmi RM8 200
 - B Belian barang niaga RM7 000 secara kredit daripada Pembekal Remy
 - C Jualan barang niaga berkos RM7 000 secara kredit kepada Hamzah pada harga RM8 200
 - D Jualan barang niaga RM8 200 secara tunai kepada Nasihun pada diberi diskaun RM1 200
- 5 Pernyataan berikut dikaitkan dengan sejenis dokumen.

Hutang bagi seorang pelanggan RM800 telah dihapus kira sebagai hutang lapuk

Apakah dokumen tersebut?

- A Invois
- B Memo
- C Nota debit
- D Maklumat kredit

- 6 Pernyataan berikut dikaitkan dengan sejenis dokumen.

Asal		INVOIS		No:0226
IDAMAN BERHAD Lot 114, Seksyen 14/2 46100 Petaling Jaya Selangor				
Aqilah Collections 2355 Jalan Besar 23100 Paka, Terengganu			Tarikh : 6 Januari 2024	
Bil.	Kuantiti	Butir	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	10 set	Set makan Rose	350.00	3,500.00
2	10 set	Set makan Floral	310.00	3,100.00
3	10 set	Set makan Alamanda	280.00	2,800.00
				9,400.00
Tolak : Diskaun Niaga 10%				940.00
Jumlah				8,460.00

(Ringgit : Lapan Ribu Empat Ratus Enam Puluh Sahaja)
 Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari
 Serahan : Angkutan Dibayar
 K. & K. di K.

Aqilah

 Penerima

Hasil

 Pengurus

Berdasarkan dokumen diatas, berapakah nilai yang perlu dibayar oleh Aqilah Collections pada 16 Januari 2024?

- A RM7 614.00
- B RM8 037.00
- C RM8 460.00
- D RM8 883.00

- 7 Puan Ilya telah mengambil barang niaga bernilai RM220 untuk tujuan derma. Apakah jurnal yang direkodkan?

- A Jurnal Pulangan Belian
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Jualan
- D Jurnal Am

8 Pilih urusan niaga yang direkod di sebelah debit Buku Tunai.

- I Menjelaskan hutang kepada Akaun Belum Bayar
- II Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima
- III Membawa masuk wang peribadi ke dalam perniagaan
- IV Mendahulukan wang perniagaan untuk kegunaan peribadi

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Maklumat yang berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Perniagaan Relai.

Tarikh	Butir	RM
1 April 2024	Jumlah penerimaan	300
1 April – 30 April 2024	Jumlah pembayaran	270
1 Mei 2024	Baki akhir	30

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang mengikut sistem panjar?

- A RM30
- B RM270
- C RM300
- D RM570

- 10 Pada 1 Ogos 2024, Puan Yana telah memulakan perniagaan runcit dengan memasukkan tunai ke bank sebanyak RM30 000.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Tunai	Akaun Modal
B	Akaun Bank	Akaun Modal
C	Akaun Bank	Akaun Tunai
D	Akaun Modal	Akaun Bank

- 11 Petikan yang berikut diperolehi daripada buku perniagaan Orang Kaya Enterprise.

Akaun Kawalan Belum Bayar

2024		RM	2024		RM
Jul 31	Bank	8 600	Jul 1	Baki b/b	4 300
	Pulangan belian	300			
	Baki h/b	1 200			

Berapakah belian kredit?

- A RM5 200
 B RM10 100
 C RM13 200
 D RM5 800
- 12 Manakah catatan yang betul dalam Imbangan Duga?

	Debit	Kredit
A	Belian	Perabot
B	Pulangan keluar	Insurans
C	Lengkapan	Diskaun diterima
D	Jualan	Kadar bayaran

13 Pernyataan manakah benar mengenai inventori?

- I Merupakan tanggungan semasa perniagaan.
- II Diklasifikasikan sebagai aset semasa perniagaan.
- III Barang niaga yang dimiliki dengan tujuan untuk dijual.
- IV Direkodkan sebagai modal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan yang berikut diambil daripada buku Syarikat ManBai.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2024

	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan			80 000
Aset Semasa			
Tunai	3 540		
Inventori akhir	5 700		
Akaun Belum Terima	<u>200</u>		
		9 440	
Liabiliti semasa			
Overdraf bank	2 000		
Akaun Belum Bayar	<u>3 560</u>		
		5 560	
X			3 880

Apakah X?

- A Modal awal
- B Modal kerja
- C Untung kasar
- D Untung bersih

15 Akaun manakah yang ditutup dengan memindahkan jumlahnya ke Akaun Perdagangan?

- I Akaun Jualan
- II Akaun Promosi
- III Akaun Belanja am
- IV Akaun Angkutan masuk

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Manakah yang berikut, **benar** tentang belanja belum bayar.

- A belanja bagi tempoh perakaunan semasa belum dijelaskan
- B belanja bagi tempoh akan datang telah dijelaskan
- C dikelaskan sebagai liabiliti bukan semasa
- D dikelaskan sebagai aset semasa

17 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Fesyen Aliya.

	1 Jun 2023	31 Mei 2024
	RM	RM
Sewa Belum Terima	500	-
Sewa Belum Terperoleh	-	300

Sewa RM5 000 telah diterima bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2024.

Berapakah jumlah sewa yang akan direkod dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun kewangan tersebut?

- A RM4 200
- B RM4 700
- C RM4 800
- D RM5 500

- 18 Maklumat berikut diperolehi daripada Pembekal Ayam Muaz.

	RM
Akaun Belum Terima	22 500
Peruntukan hutang ragu	450

Maklumat tambahan :

Peruntukan hutang ragu diselaraskan 3% atas Akaun Belum Terima.

Apakah kesan pelarasan tersebut terhadap belanja atau hasil perniagaan.

- A Hasil bertambah RM225
 - B Hasil bertambah RM675
 - C Belanja bertambah RM225
 - D Belanja bertambah RM675
- 19 Pernyataan berikut berkenaan kesilapan tak ketara.

- Urus niaga direkodkan dalam akaun yang salah di bawah pengelasan yang berbeza.
- Aset direkodkan sebagai belanja atau belanja direkodkan sebagai aset.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip
 - B Kesilapan terbalik
 - C Kesilapan komisen
 - D Kesilapan saling mengimbangi
- 20 Antara kesilapan urus niaga berikut, yang manakah akan menambahkan nilai untung bersih selepas pembetulan kesilapan dibuat.
- A Belanja membaiki kenderaan telah direkodkan dalam akaun kenderaan
 - B Pulangan jualan dan pulangan belian terlebih rekod
 - C Ambilan barang niaga untuk kegunaan sendiri terlupa rekod
 - D Bayaran hutang kepada Najwa tersilap rekod dalam Akaun Najla.

- 21 Manakah yang betul berkenaan fungsi nisbah ujian asid?
- I Mengukur keupayaan perniagaan membayar hutang jangka pendek
 - II Mengukur keupayaan perniagaan membayar hutang jangka panjang
 - III Menunjukkan hubungan antara semua aset semasa dengan liabiliti semasa
 - IV Menunjukkan hubungan antara aset semasa (kecuali inventori akhir) dengan liabiliti semasa
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 22 Maklumat berikut diperolehi daripada Cyberfone Bhd.

	RM
Jualan tunai	51 200
Jualan kredit	21 000
Kos jualan	67 000
Akaun Belum Terima	11 400

Hitung tempoh kutipan hutang.

- A 199 hari
 - B 82 hari
 - C 62 hari
 - D 58 hari
- 23 Antara situasi berikut, yang manakah berlaku dalam perniagaan yang tidak mengamalkan rekod tak lengkap?
- A Sistem catatan bergu diamalkan
 - B Sistem catatan tunggal diamalkan
 - C Penyata kewangan dapat disediakan
 - D Rekod perakaunan teratur dan sistematik

- 24 Kedai Kek Queens tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap. Rumus kaedah perbandingan berikut digunakan dalam menghitung untung rugi perniagaan.

$$\text{Untung Bersih} = \text{Modal Akhir} + R - \text{Modal Tambahan} - \text{Modal Awal}$$

Apakah butir R?

- A Hasil
 - B Belanja
 - C Ambilan
 - D Modal kerja
- 25 Cik Hani tidak menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 31 Julai 2024.

2023		RM
Ogos 1	Sewa belum bayar	560
2024		
Julai 31	Jumlah pembayaran sewa	1 080
	Sewa belum bayar	320

Berapakah jumlah sewa yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2024?

- A RM200
 - B RM840
 - C RM1 320
 - D RM1 960
- 26 Apakah tujuan sistem kawalan tunai diamalkan?
- A Mengelakkan berlakunya kehilangan tunai.
 - B Menggalakkan pelaburan tunai dibuat setiap bulan.
 - C Memastikan dokumen sokongan dapat dijadikan sebagai bukti
 - D Menjelaskan hutang dijelaskan dengan jumlah tunai yang mencukupi.

27 Situasi berikut berlaku dalam Perniagaan Aleia.

Sekeping cek untuk bayaran gaji bernilai RM950 yang dibayar oleh bank tersalah catat sebagai RM905 dalam buku tunai.

Apakah kesan kesilapan tersebut ke atas baki bank?

- A Baki terlebih catat RM45 berbanding dengan Penyata Bank.
- B Baki berkurangan catat RM45 berbanding dengan Penyata Bank.
- C Kedua-dua baki dalam Buku Tunai dan Penyata Bank terlebih catat sebanyak RM45.
- D Kedua-dua baki dalam Buku Tunai dan Penyata Bank berkurangan catat sebanyak RM45.

28 Beri tafsiran bagi pernyataan berikut:

Penerimaan sebenar adalah memuaskan berbanding dengan penerimaan dalam belanjawan.

- A Penerimaan sebenar melebihi penerimaan dalam belanjawan
- B Penerimaan dalam belanjawan melebihi penerimaan sebenar
- C Penerimaan sebenar kurang daripada penerimaan dalam belanjawan
- D Penerimaan dalam belanjawan kurang daripada penerimaan sebenar

29 Apakah dokumen yang perlu dirujuk oleh pekongsi sekiranya tiada sebarang perjanjian dibuat semasa menubuhkan perniagaan mereka?

- A Ikatan perkongsian
- B Perjanjian Perkongsian
- C Akta Perkongsian 1961
- D Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

- 30 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Mar dan Nuriz pada 31 Disember 2023.

	RM
Faedah atas modal	14 000
Faedah atas ambilan	500
Untung bersih	50 000
Untung dan rugi dibahagi secara sama rata	

Berapakah bahagian untung bagi setiap pekongsi?

- A RM17 750
 B RM18 250
 C RM31 750
 D RM32 250
- 31 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Perkongsian TRZ.

	RM
Jumlah aset	45 000
Jumlah liabiliti	8 400

Dalam proses pembubaran, semua aset dijual sebanyak RM42 000 dan semua liabiliti dijelaskan sepenuhnya. Belanja realisasi RM850 telah dikenakan.

Berapakah untung atau rugi realisasi?

- A Rugi realisasi RM3 850
 B Rugi realisasi RM4 550
 C Untung realisasi RM3 850
 D Untung realisasi RM4 550

- 32 Antara berikut, manakah merupakan ciri - ciri sebuah syarikat?
- A Liabiliti syarikat tidak terhad
 - B Jangka hayat syarikat tidak berterusan
 - C Pemilik dan entiti perniagaan adalah terpisah dari segi perundangan
 - D Semua pemegang syer mempunyai hak untuk mengawal semua operasi dalam syarikat
- 33 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri syer biasa?
- A Pembayaran dividen dibuat selepas dividen pemegang syer keutamaan diberikan
 - B Tiada hak mengundi semasa Mesyuarat Agung Tahunan
 - C Layak menerima tunggakan dividen
 - D Kadar dividennya tetap
- 34 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Ikhsan Maju Bhd. pada 1 Januari 2023.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	RM
1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan	1 500 000
1 000 000 unit Syer Biasa	500 000

Maklumat tambahan

Pada 1 Oktober 2023, lembaga pengarah Syarikat mengumumkan pemberian dividen interim 2% kepada pemegang syer keutamaan.

Berapakah dividen interim syer keutamaan?

- A RM22 500
- B RM25 000
- C RM30 000
- D RM32 500

35 Manakah antara berikut merupakan sumber kewangan utama bagi Kelab Badminton SMK Pengkalan Barat.

- A Yuran keahlian
- B Jualan kiosk sukan renang
- C Faedah pelaburan Mega Berhad
- D Keuntungan jualan aset sekolah

36 Maklumat berikut diperolehi daripada petikan Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Joran Taman Setia Segamat Johor

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

	RM		RM
Baki b/b	12 000	Y	900
X	400		

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Alat Tulis	Sewa diterima
B	Sewa diterima	Yuran ahli
C	Yuran pertandingan memancing	Insurans
D	Insurans	Alat Tulis

37 Maklumat berikut dipetik daripada Buku Kelab Desa Aman yang mengusahakan kafeteria bagi menambah dana kelabnya.

	RM
Belian kafeteria	43 500
Jualan kafeteria	78 500
Upah pekerja kafeteria	4 500
Inventori akhir	12 200

Berapakah untung kafeteria?

- A RM18 300
- B RM27 300
- C RM42 700
- D RM51 700

- 38 Antara berikut, yang manakah merupakan Belanja Langsung kilang?
- A Susut nilai mesin kilang
 - B Gaji pekerja kilang
 - C Duti atas belian
 - D Hak cipta
- 39 Rajah berikut berkaitan dengan Akaun Pengeluaran.

$$\text{Akaun Pengeluaran} = \text{Kos Prima} + \mathbf{Z}$$

Apakah Z?

- A Paten
 - B Angkutan masuk
 - C Gaji pekerja kilang
 - D Gaji pengurus kilang
- 40 Maklumat berikut diperolehi daripada Zatiie Beyhoon Sdn. Bhd.

	RM
Kos tetap	24 000
Kos berubah seunit	4.00
Harga jualan seunit	6.00

Berapakah Titik Pulang Modal?

- A 2 400 unit
- B 4 000 unit
- C 6 000 unit
- D 12 000 unit

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT